

NO. SOALAN: 68

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan ajaran Syiah di Malaysia dan sejauh mana ia berbahaya kepada negara.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini. Ia selaras dengan keputusan Muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Pada masa ini, penyebaran fahaman Syiah di dalam negara adalah terkawal. Pengawasan fahaman Syiah adalah tertakluk di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Ia adalah selaras dengan ketetapan di bawah Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama-sama Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) dan agensi keselamatan sentiasa melakukan pemantauan terhadap kumpulan ini dalam menangani dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan bagi menyekat fahaman Syiah dari berleluasa dan tersebar kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD
MANAP [SEKIJANG]**

TARIKH : 13.3.2018 (SELASA)

SOALAN : 69

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah sasaran jangka masa panjang yang diletakkan pihak Kementerian dan MARA di bawah program 'Gate To Global' yang mensasarkan usahawan kecil dan sederhana untuk menembusi pasaran antarabangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Gate to Global (GTG) merupakan pakej program pembangunan usahawan eksport Bumiputera yang bertujuan untuk membantu usahawan menembusi pasaran global. GTG adalah program yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama MATRADE dan SME Corp yang memberi fokus kepada usahawan dalam bidang makanan dan minuman (F&B), penjagaan diri dan kesihatan (*wellness*) serta *fast moving consumer goods* (FMCG).

Melalui Program GTG, usahawan yang terpilih akan diberi bantuan secara berpakej iaitu latihan dan bimbingan bagi penjenamaan produk dan pengurusan eksport, kemudahan kewangan dalam bentuk geran dan pembiayaan serta pepadanan perniagaan antarabangsa bagi memastikan produk mereka dapat menembusi pasaran global.

Bagi sasaran jangka masa panjang untuk tempoh lima (5) tahun yang akan datang, Kementerian telah menetapkan 500 *STOCK KEEPING UNIT* (SKU) baharu

akan menebusi pasaran global dengan anggaran pertumbuhan eksport sebanyak RM30 juta.

Melalui sasaran di atas, secara tidak langsung program ini akan menterjemah usaha Kerajaan dalam konteks pembangunan usahawan (*entrepreneurial development*), penciptaan peluang pekerjaan (*job creation*) dan peluang perniagaan (*business opportunities*) yang seterusnya akan mencipta kekayaan (*wealth creation*) untuk rakyat dan negara untuk jangka masa panjang.